

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak menghadap Tuanku Sultan Kedah, Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Anak Bukit, Alor Star sempena keberangkatan Tuanku Sultan dan Sultanah ke Konsert Simfoni Diraja yang akan berlangsung di Dewan Mu'adzam Shah, Jumaat ini (esok).

Menurut Dr Mohamed Mustafa, Tuanku Sultan dan Sultanah berkenan mencemar Duli untuk berangkat menyaksikan Konsert Simfoni Diraja yang membariskan artis tanah air seperti Faizal Tahir, Najib Hanif, Sohaimi Mior Hassan dan Ana Raffali pada malam esok.

Beliau berkata, Konsert Simfoni Diraja diadakan sempena sambutan Hari Pengasasan Universiti ke-27 serta ia diadakan sebagai kelangsungan daripada siri Konsert Diraja yang pernah dianjurkan sebelum ini.

Katanya, antara objektif konsert ini ialah sebagai tanda penghargaan dan junjung kasih pihak UUM kepada Tuanku Canselor yang sentiasa memberikan sokongan padu dalam menjayakan aktiviti-aktiviti universiti.

Selain itu, katanya ia juga bertujuan meraikan Hari Keputeraan Tuanku Canselor di samping memaparkan unsur-unsur kebudayaan yang boleh menjadi pemangkin kepada keharmonian Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

"Antara lain matlamatnya ialah menerapkan ciri-ciri kesantunan dan memberikan pendedahan kepada masyarakat kampus tentang salah satu cabang bidang kesenian serta menarik minat masyarakat kampus supaya melibatkan diri dalam kegiatan kesenian," katanya

Dr Mohamed Mustafa berkata, konsert ini menyediakan satu bentuk persembahan yang mengandungi ciri-ciri kesantunan, keanggunan dan patriotisme serta ia mampu menceriakan suasana kampus dengan persembahan kesenian yang bermutu tinggi.

Beliau berkata, penganjuran konsert kali ini adalah satu usaha dalam mempertingkatkan dan memartabatkan seni persembahan Orkestra Simfoni yang unggul dengan menitikberatkan kepentingan tatacara dan susun atur daripada aspek persembahan muzik.

Majlis menghadap itu turut disertai oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid, Pengarah Jabatan Canselor, Baharudin Yaacob, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Prof Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif dan Pengarah Pusat Budaya dan Seni, Huzaidy Hussain.

Habis.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my